

Warta suku tahun yang menghubungkan penulis Bahasa dengan pekerja di pelayanan Kristian di Malaysia

East Malaysia Awareness

Masih ramai orang yang tidak begitu tahu tentang Sabah & Sarawak. Mereka tahu tentang Gunung Kinabalu, Gua Mulu, Orang Iban, dan Kadazan; tetapi lebih daripada itu, mereka mungkin langsung tidak tahu apa-apa.

Baru-baru ini, pada 1hb Mei 2010 bertempat di Gereja SSMC, Wawasan Penabur dengan kerjasam Komisi BM NECF telah mengadakan Seminar & Dialog Kesedaran Tentang Sabah & Sarawak. Dan pada sebelaha malamnya diadakan pula Persembahan Kebudayaan. Acara ini telah membuka mata ramai orang untuk mengetahui cabaran-cabaran yang dihadapi oleh orang-orang Kristian di Sabah dan Sarawak. Dari isu social, agama, ekonomi sehinggalah politik, kita di Semenanjung Malaysia telah mendapat informasi baru tentang Sabah & Sarawak.

Seramai 244 orang peserta telah mengikuti seminar dan dialog tersebut. Mereka datang sejauh Sabah, Johor dan Kedah. Kesemuanya ditantang untuk memperhatikan isu-isu serta cabaran yang dihadapi oleh saudara seiman kita dari Sabah, Sarawak dan Orang Asli.

Dengan tema "Apa yang Tuhan minta darimu?" (Mikha 6:8), kami berharap kita semua bukan saja disedarkan, tetapi juga akan bertekad melakukan sesuatu untuk membantu saudara kita di Sabah & Sarawak. Para pembicara telah memberi infomasi yang sangat berguna kepada kita semua.

Sesi pada sebelah pagi berfokus kepada isu pengislaman yang dihadapi di Sabah & Sarawak. Alfred dan Baru telah memberi satu selayang pandang yang baik tentang scenario politik & agama di Sabah & Sarawak.

Maklin telah memberi satu pembicaraan yang komprehensif tentang pengislaman di sekolah, bermula dari tadika sampailah kepada sekolah menengah.

Sesi sebelah petang pula berfokus kepada hak kita sebagai seorang Kristian Malaysia. Heng Seng berbicara tentang aspek perundangan dan perlembagaan. Stemmah menyentuh tentang kes Allah; dan Bakar bercakap tentang cabaran2 yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli.

Dengan begitu banyak topik yang harus disentuh, kami sedar masa terlalu singkat. Maklumbalas yang kami terima rata-rata mahukan sesi yang lebih panjang, mungkin untuk seminar 2 hari.



Sepatah dua kata . .



Shalom,

Terima kasih atas kesetiaan anda dalam pelayanan ini. Dan kepada mereka yang telah menghadiri Seminar & Dialog East Malaysia Awareness baru-baru ini, kami berdoa agar anda telah tercabar untuk melakukan sesuatu sebagai respon kepada keperluan yang timbul.

Kami di Wawasan Penabur terus menyebarkan bahan-bahan pemuridan OBOR di Sabah & Sarawak.

Jika anda atau gereja anda merasakan terpanggil dan ditantang untuk mendukung pelayanan kami - dari pendanaan sampailah kepada penyebaran bahan - hubungi kami di email: wawasan.penabur@gmail.com. Kami mahu mendengar dari anda.

Selamat membaca dan semoga tercabar dan terdorong dengan apa yang kami paparkan.

Berita Rakan Penabur ialah penerbitan elektronik Wawasan Penabur yang mengandungi berita dan maklumat tentan pelayanan kami serta bahan sumber Kristian dalam BM yang baru.

Untuk maklumat dan maklum-balas, hubungi:
Wawasan Penabur
P.O.Box: 8327, Pejabat Pos Kelana Jaya
46787 Petaling Jaya, SELANGOR
Fax: 03-7727 7271
Email: wawasan.penabur@gmail.com
Website: www.wawasanpenabur.org

Akaun Bank kami :

- (1) Public Bank, Cawangan Kelana Jaya, Account No. 3127674507
- (2) CIMB Bank, cawangan Damansara Utama, Account No. 1250 000 7114 058

Bahan Sumber

Buku-buku Baru Dari Wawasan Penabur



Kami telah menerbitkan 3 lagi buku baru dalam suku tahun ini: OBOR Belia Buku 7, 8 & 9. Periksa informasinya di website kami.



Sempena "Seminar East Malaysia Awareness", kami juga telah melancarkan sebuah buku yang berjudul "Lakukan Apa Yang Benar" yang merupakan sebuah buku panduan perundangan yang praktikal untuk gereja-gereja di Malaysia. RM 8 senaskah.

Hubungi kami jika sekiranya anda ada menulis dan menerbitkan buku baru dalam Bahasa Malaysia. Sebagai aggregator, Wawasan Penabur komited untuk memberitahu kepada yang lain tentang buku-buku baru.





Persembahan kebudayaan di sebelah malam pula menampilkan tema "Perjalanan Kebudayaan Merentasi Sabah & Sarawak". Kami telah menonjolkan beberapa suku yang pada saat ini banyak mengalami proses pengislaman melalui system teratur pihak2 tertentu. Ramai yang pertama kali mendengar suku2 seperti Dusun Kimaragang, Dusun Tabilung, Kadazan Papar, dan pelbagai suku Orang Ulu.

Tuhan telah menggerakkan banyak hati pada malam itu. Doa syafaat dinaikkan untuk suku2 tersebut. Sebanyak 9 buah gereja BM mengambil bahagian dalam persembahan pada malam yang dihadiri oleh 380 orang.



**Bengkel Menulis Bersama
Dr. Miriam Adeney
(16-20 Ogos 2010)
Pengarang buku:**



Pengumuman:

◆ 16-20 Ogos 2010

Pengumuman khas untuk penulis BM Kristian!! Satu bengkel menulis bersama Prof. Dr. Miriam Adeney akan diadakan di Bukit Tinggi, Pahang.

Layari website kami untuk maklumat lanjut. **JANGAN LEPASKAN PELUANG INI!**